

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 13 OGOS 2020

SOALAN

YB TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pesalah yang mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mengikut kategori warganegara dan bukan warganegara, serta jumlah denda yang dikutip oleh Kerajaan dan jumlah pesalah yang dihukum penjara.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu langkah kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh negara bagi mengurangkan penularan wabak COVID-19. Pengisytiharan kawalan pergerakan ini adalah berdasarkan kepada Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Ia dilaksanakan secara 3 peringkat iaitu PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020, dan diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Julai 2020 hingga 31 Ogos 2020.
2. Sehingga 10 Julai 2020, jumlah tangkapan warganegara Malaysia yang dilakukan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atas kesalahan mengingkari PKP ialah seramai 18,461 orang, manakala 1463 orang semasa tempoh PKPB, dan 229 orang semasa tempoh PKPP. Bagi bukan warganegara pula, PDRM telah menangkap seramai 5,620 orang semasa PKP, 822 orang semasa PKPB, dan 229 orang semasa tempoh PKPP.
3. Daripada jumlah tangkapan tersebut, seramai 4,355 orang telah dikenakan hukuman penjara dalam tempoh PKP, 636 orang semasa PKPB, dan 88 orang pula semasa PKPP. Bagi tempoh 18 Mac 200 hingga 10 Julai 2020, sebanyak 10,466 kompauan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan jumlah kutipan denda sebanyak RM 5,928,000.00.

Sekian, terima kasih.